



**KENYATAAN MEDIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
(KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA)**

INSIDEN KEBOCORAN GAS AMMONIA DI KILANG AIS SHAH ALAM

Putrajaya, 13 Ogos – Satu insiden kebocoran gas ammonia berlaku di kilang Everest Ais, Shah Alam, Selangor. Kejadian berlaku pada kira-kira jam 5.12 pagi tadi. Setakat jam 10.00 pagi, punca kebocoran telah berjaya dikawal oleh pasukan BOMBA. Usaha-usaha mengawal dan memantau bacaan gas ammonia di kawasan kilang dan persekitaran sedang giat dijalankan.

Berdasarkan maklumat semasa terdapat 2 orang mangsa dilaporkan meninggal dunia manakala 18 orang yang lain mengalami kecederaan dan telah dihantar ke hospital untuk mendapatkan rawatan. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah mengarahkan pegawai ke kawasan kejadian dan masih menunggu keadaan stabil dan selamat sebelum memulakan siasatan.

###

Tarikh siaran: 13 Ogos 2018

Dikeluarkan oleh:
Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Aras 1,3,4 dan 5, Blok D4,
Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62530 WP Putrajaya
No Tel: 03-8886 5264
Emel: projkkp@mohr.gov.my
Facebook: @doshmalaysia